



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
ARKIB NEGARA MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM SAMBUTAN ANAK MERDEKA BERSEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-67 TAHUN

---

**KUALA LUMPUR, 31 OGOS 2024** – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan **Sambutan Anak Merdeka 2024 bersempena dengan Hari Kemerdekaan ke-67 tahun** yang dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Persatuan Warisan Anak Merdeka Kuala Lumpur & Selangor. Sambutan Anak Merdeka bertujuan mengukuhkan identiti kebangsaan dan semangat patriotisme dalam membentuk generasi yang memahami dengan lebih mendalam sejarah kemerdekaan negara.

Pada tahun ini, tema Hari Kebangsaan yang dipilih adalah **“Malaysia Madani: Jiwa Merdeka”** dan tema ini menekankan pentingnya mencapai kemerdekaan sebenar dalam jiwa dan membentuk masyarakat yang bertamadun dan beradab. **Jiwa merdeka bermaksud memiliki identiti dan jati diri yang kukuh sebagai rakyat Malaysia yang merdeka dan berdaulat.**

YB Datuk Aaron Ago Dagang mengajak seluruh rakyat menggembleng tenaga untuk bersama-sama menjaga keharmonian demi keamanan negara kita tercinta ini dan menunjukkan bahawa Malaysia boleh menjadi negara contoh kepada dunia yang mengangkat agenda **Perpaduan Dalam Kepelbagaian.**

Beliau dalam ucapannya turut menyatakan bahawa Anak Merdeka mempunyai tanggungjawab yang besar dalam **menyebarkan mesej-mesej perpaduan dan menanam pohon-pohon keharmonian** dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya. **Era kolonialisme** (penjajahan secara langsung) telah berakhir dan kini kita berhadapan dengan penjajahan bentuk baharu ini yang lebih dikenali sebagai **neo-kolonialisme** yang dilakukan menerusi tipu daya, penyaluran pengaruh fikiran, budaya, ideologi dan sebagainya melalui media sosial.

Kejayaan **Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun VT Sambanthan** menyatupadukan pelbagai etnik yang ada di Tanah Melayu dijulung sebagai arkitek yang membina jambatan perpaduan yang diwarisi. **Semangat dan roh mereka yang bersandarkan kepada kebersamaan** dengan satu matlamat untuk mencapai kemerdekaan dari penjajah membolehkan generasi hari ini menikmati erti kebebasan yang sebenarnya. Beliau menekankan bahawa **kita haruslah mengambil peluang dan ruang bersama-sama sebagai satu entiti menghayati erti sebenar kemerdekaan** kerana ia akan menaikkan lagi semangat patriotisme cintakan tanah air dalam diri kita.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**  
**31 Ogos 2024**